

18 JAN 2003

Keng Yaik-Pilihan Raya/(Bergambar)/I

PILIHAN RAYA UMUM HANYA SELEPAS DAFTAR PEMILIH DIBERSIHKAN - GERAKAN

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Pilihan raya umum ke-11 patut diadakan hanya selepas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah membersihkan daftar pemilih, kata Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini.

Beliau berkata Barisan Nasional (BN) akan terjejas sekiranya daftar pemilih sedia ada yang belum dibersihkan digunakan.

"Saya akan bangkitkan isu ini dengan parti-parti komponen bahawa kita perlu hanya berpuas hati dengan daftar pemilih yang telah dibetulkan," katanya kepada pemberita pada mesyuarat bulanan Jawatankuasa Pusat parti.

Dr Lim, yang juga Menteri Perusahaan Utama, berkata demikian ketika diminta mengulas spekulasi bahawa pilihan raya umum akan datang akan diumumkan bila-bila masa sekarang ekoran terdapat beberapa perkembangan, termasuk selesainya persempadanan semula kawasan pilihan raya di seluruh negara.

Sebuah akhbar Bahasa Malaysia tempatan hari ini melaporkan bahawa suruhanjaya itu akan mengadakan mesyuarat pada Selasa bagi membincangkan persiapan bagi pilihan raya umum yang dijadual pada 2004.

Beliau berkata BN perlu mengambil inisiatif untuk mengenal pasti penyelewengan dalam daftar pemilih berikutan suruhanjaya itu tidak mempunyai tenaga kerja yang mencukupi untuk memeriksa senarai itu dengan terperinci.

"Sejak bertahun-tahun lamanya, parti-parti komponen BN telah diberitahu untuk memeriksa senarai itu," katanya.

Ditanya betapa teruknya penyelewengan itu, Dr Lim berkata: "Memang ada tetapi saya tidak mahu buat spekulasi."

Pada November tahun lepas, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan nama 2.8 juta pengundi berdaftar telah dipindahkan oleh parti tertentu ke kawasan yang tiada kaitan dengan mereka.

Perdana Menteri berkata melalui pemeriksaan teliti pada daftar pemilih menunjukkan bahawa pengundi terbabit tidak mempunyai alamat di kawasan berkenaan.

"Sebab itu kenapa jumlah pengundi berdaftar adalah besar, pengundi yang bukan dari kawasan atau pengundi dengan alamat berlainan daripada yang tercatat dalam kad pengenalan mereka," Dr Mahathir dipetik sebagai berkata.

Dalam jawapannya, suruhanjaya itu menyatakan ia bekerjasama rapat dengan Jabatan Pendaftaran Negara untuk membersihkan daftar pemilih tetapi menghadapi masalah dalam menentukan status pengundi kerana jumlahnya terlalu ramai.

Suruhanjaya itu menggesa parti-parti politik untuk membantu menyelesaikan masalah itu.

-- BERNAMA

AT MFJ RHM